

**PENERAPAN ELEMEN NILAI MURNI DAN ETIKA DALAM PEMBELAJARAN  
ABAD KE-21 DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH  
RENDAH**

**[THE APPLICATION OF ELEMENTS OF MORAL VALUES AND ETHICS IN 21ST  
CENTURY LEARNING AMONG PRIMARY SCHOOL ISLAMIC EDUCATION  
TEACHERS]**

SITI KHADIJAH MOHD KAMAL<sup>1\*</sup> & MOHD. ISA HAMZAH<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia  
Correspondent Email: p101341@siswa.ukm.edu.my

---

*Received: 28 August 2021*

*Accepted: 9 September 2021*

*Published: 11 September 2021*

---

**Abstrak:** Nilai murni dan etika merupakan salah satu elemen yang perlu diterap dalam sesi pembelajaran abad ke-21 (PAK21) bagi mendepani cabaran abad ke-21. Masalah keruntuhan akhlak dan gejala sosial yang melibatkan pelajar muslim sering dikaitkan dengan keberkesanan dan peranan guru Pendidikan Islam (GPI). Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk melihat perspektif guru Pendidikan Islam dalam penerapan elemen nilai murni dan etika dalam pembelajaran abad ke-21 (Pak21). Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual bersama empat orang GPI bagi menghasilkan dapatan kajian. Hasil temu bual mendapati kesemua GPI berpendapat penerapan elemen nilai murni dan etika sangat penting untuk diterapkan kepada pelajar dan menggunakan beberapa kaedah dan pendekatan yang bersesuaian dengan Pak21 dalam menerapkan elemen nilai murni dan etika kepada pelajar. Hasil kajian juga mengenal pasti beberapa cabaran yang dihadapi oleh GPI dalam melaksanakannya. Hasil kajian ini diharap dapat membantu para pengajar menilai dan meningkatkan tahap pelaksanaan penerapan elemen nilai murni dan etika disamping memberi input kepada masyarakat akan cabaran yang dihadapi para GPI dalam membentuk sahsiah pelajar.

**Kata kunci:** Nilai Murni dan Etika , Pak-21, Guru Pendidikan Islam.

**Abstract:** Moral values and ethics are one of the elements that need to be inculcated in the 21st century learning session (PAK21) to face the challenges of the 21st century. The problem of moral decay is the social symptoms of muslim students who are often associated with the effectiveness and role of Islamic education teachers (GPI). Therefore, this study aims to looking at the perspective of Islamic education teachers in the application of moral values and ethics in to 21st century learning (Pak21) . This study is qualitative by using the method of interviews with four GPI to produce research findings. The results of the interviews found that all GPI think that the application of moral values and ethics is very important to be applied to students and use several methods and approaches that are appropriate to Pak21 in applying the elements of moral values and ethics to students. The result also identified some of the challenges faced by GPI in implementing them. The results of this study are expected to assist educators to evaluate and improve the level of implementation of the application of moral values and ethics as well as provide input to the community on the challenges faced by GPI in shaping the students' personalities.

**Keywords:** Moral Values and ethics, Pak-21, Islamic education teachers.

Siti Khadijah Mohd Kamal & Mohd. Isa Hamzah. 2021. Penerapan Elemen Nilai Murni dan Etika dalam Pembelajaran Abad Ke-21 dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah [The Application of Elements of Moral Values and Ethics in 21st Century Learning Among Primary School Islamic Education Teachers]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(4), 16-31.

## **PENGENALAN**

Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam melahirkan pelajar yang berakhlak dengan melaksanakan penerapan nilai-nilai murni melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini telah dinyatakan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1980), bahawa pendidikan merupakan proses penerapan nilai-nilai positif dalam diri seseorang. Ianya seiring dengan dasar pendidikan dalam menghasilkan modal insan yang seimbang dan menyeluruh dari aspek intelek mahupun sahsiah sebagai langkah ke arah pembinaan sebuah negara maju dan modal yang akan membawa kepada keharmonian dan kemakmuran negara.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberi penekanan yang serius akan penerapan nilai murni dalam sistem pendidikan di Malaysia sebagai elemen merentas kurikulum yang perlu diterapkan oleh semua guru dalam sesi PdP. Satu bentuk transformasi pendidikan juga telah dibentuk bagi mendepani cabaran abad ke-21 dengan mengambil kira hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dengan menerapkan elemen nilai murni dan etika sebagai elemen yang perlu diterapkan dalam setiap mata pelajaran.

Kefahaman dan kesedaran tentang nilai murni mampu meningkatkan pengetahuan tentang pelbagai isu moral yang dapat mempengaruhi amalan dan tingkah laku seseorang (Abd. Rahim & Abd Rashid, 2001). Menurut Tajul Ariffin Nordin dan Nor'Aini (2002), mereka menyatakan untuk membentuk personaliti dan tingkah laku yang baik memerlukan pengetahuan ilmu, kemahiran dan sikap yang baik. Oleh itu, kaedah dan teknik pengajaran yang bersesuaian sangat penting bagi proses penerapan nilai murni kepada pelajar.

Mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan subjek yang menekankan penerapan nilai-nilai Islam dalam membentuk personaliti sebagai seorang muslim dengan menerapkan aspek jasmani, rohani, akal dan emosi. Oleh itu, pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar dipikul oleh guru Pendidikan Islam. Asmawati Suhid (2005) menyatakan masalah sosial dan keruntuhan akhlak pelajar yang berlaku akan dikaitkan dengan kualiti guru Pendidikan Islam. Lambakan isu dan masalah yang melibatkan pelajar sememangnya membimbangkan banyak pihak dan antara faktor yang membawa kepada masalah sosial dalam kalangan pelajar adalah kurangnya kefahaman dan penghayatan pelajar dalam subjek Pendidikan Islam. Menurut Mohd Anuar Mamat et al., (2016), menyatakan kaedah pengajaran dan kualiti guru Pendidikan Islam menjadi faktor kurangnya penghayatan pelajar dalam Pendidikan Islam.

Oleh itu, penerapan elemen nilai-nilai baik dan positif dalam kalangan pelajar perlu disemai dari peringkat awal bagi membentuk pelajar yang berketerampilan dan berakhlak mulia dalam memberi impak yang positif kepada pelajar dan masyarakat sekeiling. Kaedah pengajaran yang berkesan memainkan peranan penting dalam melahirkan individu yang bertakwa kepada Allah (Mohd Syaubari, 2019). Personaliti, kepribadian dan amalan pengajaran guru yang baik juga dapat mempengaruhi pelajar dalam membentuk personaliti pelajar yang berakhlak. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah bagi mengenal pasti persepsi guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap kepentingan penerapan elemen nilai murni dan etika dalam

pengajaran, kaedah penerapan yang digunakan oleh GPI dan cabaran yang dihadapi (GPI) dalam mengaplikasikan elemen nilai murni dan etika dalam Pak-21.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Konsep Penerapan Elemen Nilai Murni Dan Etika Dalam Pendidikan Abad Ke-21**

Pelaksanaan penerapan elemen nilai murni dan etika dalam Pak21 merupakan pendekatan yang membentuk jati diri pelajar mengikut acuan Malaysia dalam menghadapi cabaran abad ke-21. Menurut Majid (2012) menyatakan nilai murni ditakrifkan sebagai nilai-nilai positif yang membentuk tingkah laku yang baik, beradab dan menjaga hubungan sesama manusia dan tuhan. Kasran (2011) menyatakan nilai murni merupakan salah satu elemen yang dapat mencorak budaya mengikut zaman dan juga faktor persekitaran. Nilai murni juga merupakan tunjang dalam membina sahsiah, personaliti, kekuatan moral, sosial dan kerohanian dalam diri setiap individu. Untuk menghasilkan generasi yang memiliki sahsiah yang baik, penerapan elemen nilai murni perlu dijadikan teras utama dalam sistem pendidikan di sekolah (Abd Rahim, 2001).

Kepentingannya dalam sistem pendidikan pada masa kini adalah sebagai elemen merentas kurikulum yang dapat mencorakkan dimensi dengan nilai-nilai yang baik dan positif sebagai proses perkembangan dan perubahan individu masyarakat dan juga negara. Ini disokong oleh Kaur (2013) dan Norazri (2015) Mohamad Khairi et al., (2017) yang menjelaskan kepentingan penerapan nilai murni dalam pendidikan bagi membentuk sahsiah pelajar yang seimbang dari aspek akademik dan akhlak. Penerapan nilai murni yang diterapkan dalam pendidikan akan membentuk generasi muda yang lebih bertanggungjawab sebagai asas mewujudkan kesejahteraan, keamanan dan kemajuan kepada Negara seperti yang dinyatakan dalam FPK (Abd. Rahim. Rashid, 2001).

Kegagalan dalam menerapkan nilai murni dalam sistem pendidikan mampu menghancurkan sesebuah tamadun dan juga negara (Hassan Langgulung, 1993). Justeru, komitmen sekolah dan dedikasi guru penting bagi memastikan penerapan nilai murni diterapkan dalam sistem pendidikan. Pembelajaran abad ke-21 diperkenalkan adalah sebagai kaedah pendekatan pengajaran yang lebih berkualiti seiring dengan perkembangan zaman dan juga sebagai langkah menuju wawasan Negara maju dalam usaha melahirkan modal insan melalui sistem pendidikan yang berkualiti. .

### **Kaedah Penerapan Nilai**

Berdasarkan kajian yang dijalankan ke atas guru PJK oleh Norzamri dan Nurhasni (2010) mendapati para pengajar menggunakan kaedah perancangan pengajaran yang disusun dengan rapi dalam memastikan nilai-nilai positif dapat disampaikan dengan berkesan. Ini disokong oleh kenyataan Veugelers (1996) yang menyatakan bahawa sebelum memulakan sesi pengajaran para guru perlu membuat perancangan pengajaran dengan menerapkan elemen-elemen nilai dalam yang bersesuaian dengan aktiviti PdP.

Dalam kajian yang sama juga mendapati guru menggunakan kaedah perbincangan dalam pengajaran bagi menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar. Ini disokong oleh kenyataan Burton et.al.,(1991) menyatakan kaedah perbincangan mampu memberi kesan

positif kepada pembangunan pelajar. Noor Lela Ahmad (2008) menyatakan teknik perbincangan mampu untuk menerapkan nilai seperti keyakinan diri, berkomunikasi, berani dalam memberi pendapat dan juga memupuk semangat kerjasama. Manakala, Kohlberg (1973) menjelaskan kaedah kerjasama berkumpulan membantu menerapkan nilai melalui aktiviti PdP.

Seterusnya, kaedah model iaitu melalui contoh teladan dari aspek tingkah laku yang ditonjolkan sebagai seorang pendidik. Dapatan kajian Mohd Khairi Othman (2016) menunjukkan teknik model sebagai teknik yang tertinggi digunakan oleh para guru untuk membentuk akhlak dan menerapkan nilai kepada pelajar. Mohd Nordin (2003) menyatakan penampilan dan perwatakan yang dibawa oleh guru penting bagi membentuk akhlak pelajar.

Selain itu, penghargaan juga merupakan kaedah penerapan nilai sebagai bentuk peneguhan yang menggalakkan pembentukan tingkah laku positif. Choirun Nisak Aulina (2013) menyatakan setiap pujian mahupun ganjaran merupakan satu bentuk penghargaan kepada pelajar untuk terus bertingkah laku baik disamping memotivasi untuk mengulangnya sebagai pendekatan dalam menerapkan nilai-nilai yang baik. Lawler (1985) menyatakan ganjaran dalam bentuk sedar mahupun tidak seperti penghargaan atau pujian perlu diberi bagi memupuk tingkah laku yang positif.

Kajian yang dijalankan ke atas guru perakaunan oleh Noor Lela Ahmad (2008) mendapati mereka menggunakan teknik syarahan dalam menerapkan nilai murni semasa sesi pengajaran. Veugelers (1997) menyatakan guru perlu untuk memberi penjelasan dalam menerapkan nilai agar pelajar dapat peka akan nilai-nilai disampaikan dan dapat diamalkan. Ini disokong oleh kajian Veugelers (1996) yang menyatakan bahawa penjelasan tentang nilai penting untuk pembangunan pelajar. Noor Lela Ahmad (2008) menyatakan melalui penjelasan nilai akan memberi pengajaran kepada pelajar akan kesan dan juga akibat jika mengabaikannya.

### **Cabaran Penerapan Nilai Murni**

Antara cabaran yang dihadapi oleh para guru dalam penerapan nilai murni bagi membentuk akhlak pelajar adalah kekangan masa. Kajian Siti Rashidah et al., (2016) menyatakan berlakunya kekangan masa dalam kalangan guru adalah disebabkan masa yang telah diperuntukkan terganggu dengan aktiviti lain menyebabkan guru tidak dapat memberi perhatian penuh kepada pelajar yang menghadapi masalah akhlak. Kajian Norzamri dan Nurhasni (2010) pula menyatakan kekangan masa memberi kesan kepada perancangan kaedah pengajaran dan penghasilan BBM dalam penerapan nilai murni.

Peredaran zaman telah membawa kepada perkembangan teknologi. Hari ini generasi muda dilihat sebagai generasi digital, segala info maklumat dan jenis hiburan boleh diperolehi dengan mudah (Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail, 2009). Azhar Ahmad (2006) dan Siti Rashidah Abd Razak et al., (2016) dalam kajian mereka, menyatakan kemudahan teknologi digital merupakan cabaran terbesar bagi guru dalam membentuk akhlak pelajar.

Selain itu, sikap pelajar juga menjadi cabaran kepada guru dalam menerapkan nilai murni dan etika kepada pelajar. Berdasarkan kajian Suppiah Nachiappan et al., (2017) mendapati kegagalan pelajar dalam mengaplikasikan nilai moral adalah disebabkan pelajar masih tidak memahami dan menguasai nilai-nilai yang disampaikan. Manakala, kajian Norzamri & Nurhasni (2010) menyatakan kurangnya kerjasama pelajar semasa sesi PdP memberi kesan

kepada penerapan nilai dan dalam kajian yang sama mendapati antara cabaran lain yang dihadapi guru dalam menerapkan nilai murni adalah dari aspek menghasilkan bahan bantu mengajar (BBM) hal ini disebabkan faktor masa yang dihadapi memberi kesan kepada penghasilan BBM yang sesuai dalam menjelaskan nilai murni melalui sesi PdP.

Kajian Siti Rohayu Mohamad (2017) menyatakan bahawa kurangnya penguasai prinsip, kaedah dan teknik penerapan nilai dalam PdP, pendedahan yang mencukup berkaitan penerapan nilai dan kekangan masa dalam melaksanakan strategi penghayatan nilai antara masalah cabaran dalam pengajaran nilai dalam sesi PdP.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Reka Bentuk Kajian**

Metodologi kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif bertujuan mendapatkan makna pemahaman yang mendalam dan terperinci dari sudut perspektif peserta kajian dengan memberi fokus kepada menjawab persoalan kajian berkaitan penerapan elemen nilai murni dan etika Pak-21. Oleh itu, pengkaji menghasilkan dapatan kajian melalui hasil temu bual secara separa berstruktur bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini antaranya adalah kajian kepustakaan bagi mendapatkan maklumat berkaitan penyelidikan dengan menggunakan sumber daripada bahan bercetak dan elektronik seperti tesis kajian lepas dan sumber internet seperti e-jurnal. Manakala kaedah temu bual adalah merupakan instrumen kajian yang utama kerana merupakan satu kaedah penting dan mempunyai kesahan yang tinggi bagi kajian kualitatif.

### **Sampel Kajian**

Pengkaji menggunakan persampelan purposive bagi mendapatkan maklumat penting dalam menghasilkan dapatan kajian. Oleh itu, peserta kajian ini terdiri daripada 4 orang guru yang mengajar mata pelajaran pendidikan islam di peringkat sekolah rendah.

### **Pengumpulan Maklumat dan Analisis Data**

Pengkaji menggunakan dua kaedah dalam mengumpul maklumat iaitu data primer dan data sekunder. Data primer merupakan data utama yang dikumpulkan sendiri oleh pengkaji melalui temu bual. Temu bual yang dijalankan mengambil masa antara 30 minit sehingga 45 minit bagi setiap peserta secara atas talian. Pengkaji menggunakan recorder yang terdapat pada telefon bimbit untuk merakam temu bual tersebut. Manakala data sekunder adalah data kedua yang diperoleh daripada kajian perpustakaan dan kajian-kajian lepas seperti artikel, jurnal, tesis, kertas seminar, buku dan lain-lain. Analisis tematik digunakan bagi mengkategorikan data-data yang diperoleh dan membentuk tema yang bersesuaian untuk menjawab persoalan kajian.

## DAPATAN KAJIAN

Bagi menjawab persoalan kajian berkaitan kepentingan, kaedah dan cabaran dalam penerapan nilai murni dan etika dalam pembelajaran abad ke-21, pengkaji telah membuat pembahagian mengikut tema dan peserta kajian dikategori sebagai GPI 1, GPI 2, GPI 3 dan GPI 4.

### **Kepentingan penerapan elemen nilai murni dan etika dalam Pak21**

Berdasarkan temu bual menunjukkan bahawa rata-rata GPI mempunyai persepsi positif yang baik akan kepentingan penerapan nilai murni dan etika kepada pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP).

“..Menghasilkan murid yang ada moral yang boleh memberi sumbangan kepada masyarakat lah kepada orang lain” (GPI 1) (I1DU5-6)

“..Penerapan nilai murni tu memang kena diterapkanlah sebab bila dia masuk ke tahun enam nak mereka ni dah boleh memimpin haa macam tu. Jadi bila dia masuk ke sekolah menengah kepimpinan yang dibawa daripada sekolah rendah tu akan meningkatkan lagi mereka punya sifat positif dan motivasi diri macam tulahlah dalam menghasilkan modal insan yang mampu memimpin ..”(GPI 3) (I3DU8-12)

“..Penting untuk diterapkan dalam PdP supaya murid-murid ni dia dapat bukan sahaja info di dalam kelas tu, info dalam subjek yang diajar tetapi dia dapat juga dapat perbaiki diri doranglah, perbaiki diri untuk membentuk nilai-nilai baik dalam diri pelajar ni.”(GPI 4) (I4DU10-13)

Selain itu, GPI juga berpendapat penerapan elemen nilai murni dan etika dalam Pendidikan Islam amat penting dalam mendepani cabaran abad ke 21 yang mana pelajar kini telah terdedah dengan pelbagai isu sosial yang melibatkan pelajar sekolah.

“..Macam-macam cabaran yang dihadapi untuk zaman sekarang sebagai guru Pendidikan Islam memang ditekankanlah sebab kita lebih ke arah keagamaan ..” (GPI 1) (I1DU7-8)

“..Bagi saya zaman kini ni murid-murid kita dah banyak *open* pada macam-macam sosial isu jadi pada saya nilai dan etika itu perlu bergerak seringlah dengan konteks amal ibadah yang perlu kita terapkan dalam murid-murid kita di sekolah” (GPI 2)(I2DU4-8)

## **Kaedah penerapan elemen nilai murni dan etika dalam Pak21**

### **1. Penerapan nilai yang bersesuaian**

Pendidikan Islam itu sendiri merupakan subjek penerapan nilai-nilai Islam dan dapatan mendapati penerapan nilai yang bersesuaian melalui perancangan pengajaran harian yang rapi membantu proses penerapan nilai tersebut berjalan dengan lancar.

“Kita berdasarkan rancangan pengajaran harian, yang kita dah buat siap siap , buat aktiviti apa ya untuk jawi esok , kita follow yang itulah.” (GPI 1) (I1DU69-70)

“..Contohnya kalau hari tu kita belajar topik adab ke kan. Contohnya adab berkasih sayang ibu, bapa ke jadi elemen nilai murni akak pada hari tersebut adalah berkasih sayang jadi objektif yang akak terapkan (GPI 3) (I3DU3-7)

“Kaedah berdasarkan rancangan dan topik apa yang akan diajar pada waktu itu” (GPI 4) (I4DU33)

### **2. Kaedah Pengajaran**

Dalam peringkat perkembangan pengajaran, GPI menggunakan kaedah pengajaran Pak21 yang melibatkan aktiviti berkumpulan dan perbincangan yang secara tak langsung akan mewujudkan nilai-nilai murni dalam sesi PdP. Banyak nilai-nilai yang dapat diterapkan secara langsung mahupun tidak langsung antaranya nilai kerjasama, bertanggungjawab dan sebagainya dapat dipupuk.

“..Aktiviti yang melibatkan adanya kemahiran komunikasi, kita boleh terapkan sekali nilai itu sendiri, dalam komunikasi pun kita boleh selidkan juga nilai antara sama-sama pelajar tu. Contohnya dorang punya kerja kumpulkan kolaboratif tu boleh membantu dorang bertukar-tukar pandangan masing-masing akan berceritakan pendapat masing-masing” (GPI 1)(I1DU16-19)

“..Melalui aktiviti berkumpulan setiap ahli kumpulan perlu memberikan pendapat dan pandangan dan bila seorang murid itu dilantik sebagai seorang ketua dia perlu menerapkan nilai murni terhadap ahli-ahlinya contohnya ketua tu perlu menyerlahkan dia punya ahli kumpulan, bila aktiviti pembentangan kumpulan etika itu perlu kita faham, bila satu-satu kumpulan membuat pembentangan murid-murid kene senyap semangat kerjasama dalam *time work* tu dalam kumpulan...”(GPI 2) (I2DU11-16)

“..Elemen Pak21 ni kan merangkumi kepada kerjasama bersyukur nilai patriotik kan bila dah masuk semua tu dalam nilai Pak21 jadinya murid-murid tu akan lebih kehadapan..” (GPI 3) (I3DU29-30)

“.. Pak21 ni menjadikan murid selesa dengan PdP yang dorang pon boleh rasa ,boleh keluarkan idea-idea daripada diri-diri dorang dalam membentuk nilai dalam diri dorang..” (GPI 4) (I4DU19-22)

### 3. Penghargaan

Selain itu, pendekatan melalui pemberian penghargaan dari guru sebagai bentuk peneguhan dalam membentuk tingkah laku ke arah yang lebih positif disamping memotivasikan pelajar untuk terus bersemangat dalam melaksanakan aktiviti PdP.

“Saya akan memberi ganjaran seperti contoh coklat atau gula-gula ke supaya murid rasa diri mereka dihargai ” (GPI 2))(I2DU73-74)

### 4. Galakan

Pak21 menekankan peranan guru sebagai individu yang menggalakkan pelajar untuk meneroka dan memahami bahan ilmu yang diperolehi. Hasil temu bual dari peserta kajian mendapati galakan melalui perwatakan dan peranan sebagai fasilitator dan moderator dalam menjelaskan nilai-nilai yang terdapat dalam sesi PdP.

“..Guru Pendidikan Islam ni dia menjadi tanggungjawab dan *role model*, dari segi perwatakan dia, percakapan dia” (GPI 1) (I1DU84-85)

Selain itu rata-rata peserta kajian juga menggunakan pendekatan penjelasan kepada pelajar akan nilai-nilai yang terdapat dalam sesi pembelajaran.

Menurut GPI 1 Pendidikan Islam itu sendiri merupakan subjek penerapan nilai “..contoh kita baca quran ni kita kene tekankan sebenarnya kita baca alquran ni apa tujuan kita baca quran, apa adab –adab ketika baca alquran..” (I1DU47-49)

Beliau menambah. “Di hujung kelas tu nanti akak jelaskan nilai pada untuk hari tersebut jaga adab dengan al-quran, apa antara adab dengan a-quran? contoh berwudhu, cakap perkara-perkara yang baik di depan alquran kalau rasa nak bersembang tutup al-quran. (GPI 1) (I1DU53-55)

GPI 2 membuat penjelasan semasa aktiviti pengajaran dijalankan dengan memberi contoh ketika bermain telefon karat “dalam bermain itu al-quran kita jangan abaikan dia punya adab-adab dia, bila mana saya katakan seperti itu bila kita pas ke kawan-kawan boleh bergelak ketawa tapi bila baca, baca betul-betul lah kan, and then bila kumpulan tu ada laki dan perempuan jaga adab tatasusila jangan terlampau gembira sangat jangan bersentuhanlah.”. (I2DU66-69)



*“..Terangkan nilai etika yang baik dapat memahami pengajaran dengan lebih baik, lepastu dorang boleh mendengar arahan dan paling ketara dalam Pak21 kerjasamalah”. (GPI 4)(I4DU48-50)*

## **Cabaran GPI dalam penerapa elemen nilai murni dan etika dalam Pak21**

### **1. Kekangan Masa**

Hasil temu bual mendapati antara cabaran utama yang dihadapi oleh GPI dalam melaksanakan Pak21 adalah kekangan masa . Para guru menghadapi kekangan masa disebabkan faktor-faktor yang berbeza.

Bagi GPI 1 pula beliau menghadapi cabaran kekangan masa dari aspek waktu pengajaran mereka terganggu dengan aktiviti-aktiviti lain “...Kadang-kadang sampai kita bukan tak masuk kelas, kita terpaksa macam emm tak dapat nak buat betul-betul macam apa yang kita nak laksanakan..” (I1DU104-106)

“Kekangan waktu tempoh waktu mengajar kadang-kadang tu dia tak sempat sebenarnya. Sebab kita nak handle budak lagikan tapi overall sempatlah buat..”(GPI 2) (I2DU107-109)

“..Masa Pendidikan Islam selalu diambil oleh subjek lain” (GPI 3) (I3DU100)

“Kekangan masa..”. (GPI 4)(I4DU86)

### **2. Media Sosial**

Selain itu, penggunaan media sosial tanpa kawalan mampu membawa pengaruh negatif dalam kalangan pelajar dan ianya telah menjadi cabaran kepada GPI 4 terhadap penghayatan nilai dan akhlak pelajar.

“..Cabaran dia internet pulak, kadang-kadang senang je anak-anak pergi di IG (instagram), di tik tok petik je kalau dia tengok unsur-unsur yang baik okelah, kalau dia tengok unsur-unsur yang tak baik tu itu yang bahaya”... (GPI 4)(I4DU83-85)

### **3. Personaliti Guru**

Personaliti sebagai guru Pendidikan Islam yang unggul yang ditunjukkan sama ada di dalam dan di luar sekolah membantu dalam membentuk personaliti pelajar. Temu bual mendapati GPI 2 menghadapi cabaran dari aspek personaliti sebagai guru Pendidikan Islam dalam menunjukkan personaliti yang baik sebagai contoh dan cara mendekati diri dengan pelajar.

“...Cabaran saya kena menunjukkan sebagai contoh kepada anak murid sebagai ustaz .(GP1 2) (I2DU87)

#### **4. Konsisten**

Pendidikan Islam merupakan proses menerapkan nilai-nilai islam dan ilmu yang disampaikan harus diamalkan. Justeru, menjadi cabaran kepada GPI 4 apabila terdapat pelajar yang tidak konsisten dalam mengamalkan nilai-nilai tersebut.

“...Cabaran dari segi konsisten sebenarnya contohnya paling susah al quran kalau cikgu tu mengajar di sekolah tapi tak konsisten ketika di rumah dia akan tak boleh baca..’ (GPI 4)(I4DU75-76)

#### **5. Kurangnya Kursus Profesionalisme Pak21**

Hasil temu bual juga mendapati GPI menghadapi cabaran dari aspek kurangnya kursus profesionalisme Pak21 dan secara tidak langsung memberi kesan kepada penerapan elemen-elemen Pak21 yang perlu diterapkan dalam sesi pembelajaran dan pembelajaran pada masa kini.

“..Tak pernah lagi pergi kursus yang betul-betul berkaitan pak-21, hanya bengkal dari sekolah yang buat. Maksudnya tiada pendedahan yang betul-betul daripada jabatan ..’.. (GPI 1) (I1DU116-108)

Bagi GPI 3 kurang kursus profesionalisme Pak21 atas faktor status sebagai sekolah swasta, pendedahan Pak21 kurang berbanding sekolah kerajaan “..Guru swasta kurang diterapkan, berbanding sekolah kerajaan, swasta hanya panggil orang luar untuk menerangkan..” (I3DU93-94)

#### **6. Penyediaan Infrastruktur**

Penyediaan infrastruktur dan fasiliti merupakan bahan membantu mengajar bagi para pengajar dalam menghasilkan sesi PdP yang berkesan. Kekurangan infrastruktur dan fasiliti akan mengganggu sesi pelaksanaan PdP yang telah dirancang. Temu bual mendapati GPI 2 menghadapi cabaran dari aspek penyediaan infrastruktur.

“... Fasiliti yang disediakan di sekolah hal ini kerana kelas-kelas dekat sekolah-sekolah kebangsaan tidak besar dan jadi apabila ingin membuat aktiviti seperti pembahagian grouping tu ada sedikit masalah pertama yang kedua fasiliti internet” (I2DU92-94)

“..Pencapaian internet tak bagus” (I2DU99)

#### **7. Menghasilkan BBM**

Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) perlu dititikberatkan oleh setiap pengajar. Bagi menghasilkan sesi PdP yang menarik dan bekesan memerlukan idea dan kreativiti dari guru dan ianya menjadi antara cabaran yang dihadapi oleh GPI 4.

“...Cikgu nak keluarkan idea dalam melaksanakan aktiviti pengajar itu sebenarnya menjadi masalah,..” (I4DU86-87)

## 8. Kurang Motivasi dari Pelajar

Kurangnya motivasi pelajar dalam mengikuti sesi PdP yang disebabkan oleh pengetahuan dan gaya pembelajaran yang berbeza dengan rakan sekelas antara cabaran yang dihadapi oleh GPI 2 untuk menerapkan elemen nilai murni dalam pembelajaran.

“...Dari segi penyertaan murid itu sendiri ada murid dia aktif, ada murid suka buat kerja berkumpulan, bercakap dihaap khalayak ramai tapi ada juga murid yang macam pendiam..’ (GPI 2) (I2DU99-101)

“..Rasa tak selesa bila dia bersama-sama dalam kelas tu murid yang pandai dia rasa *down*, jadi PdP kita pun kena ke hadapan dengan menonjolkan murid itu.” (GPI 3) (I3DU37-39)

## 9. Penggunaan Teknologi

GPI 3 memaklumkan bahawa menjadi satu cabaran untuk melaksanakan penerapan nilai murni dan etika menerusi Pak21 apabila masih terdapat GPI yang tidak menguasai teknologi. Kesannya guru akan menggunakan kaedah yang sama dalam sesi PdP mereka.

“..Guru Pendidikan Islam dia tak kuasai kaedah teknologi PdPc” (I3DU59)

## RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM 2013-2025) merupakan salah satu usaha bagi menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21. Penerapan nilai perlu diterapkan melalui sesi PdP dalam mencorakkan generasi yang seimbang dalam mendepani cabaran masa kini (Abd Rahim, 2001). Hasil kajian yang dijalankan mendapati kesemua GPI berpendapat bahawa penerapan elemen nilai murni dan etika kepada pelajar dalam sesi PdP penting bagi menerapkan nilai-nilai yang baik dalam membentuk akhlak pelajar dan juga sebagai langkah membendung masalah sosial dalam kalangan pelajar. Ini disokong oleh dapatan kajian Norzamri dan Nurhasni (2010), Norazri (2015) dan Mohamad Khairi et al., (2017), yang menjelaskan kepentingan penerapan nilai murni dalam sistem pendidikan bagi membentuk sahsiah pelajar.

Manakala, dari aspek pelaksanaan penerapan nilai murni dan etika dalam sesi Pak21 pula menunjukkan ada beberapa pendekatan dan keadah yang digunakannya oleh GPI dalam usaha menerapkan nilai dan membentuk etika pelajar. Rata-rata GPI menyatakan kaedah penerapan nilai yang dilakukan adalah dengan menerapkan nilai yang bersesuaian dengan topik pembelajaran pada waktu tersebut dengan membuat perancangan pengajaran yang rapi bagi memastikan nilai dan objektif pada hari tersebut dapat dicapai Veugelers (1996), menyatakan bahawa sebelum memulakan PdP guru perlu membuat perancangan pengajaran dengan teliti dalam menerapkan elemen nilai yang bersesuaian dengan topik aktiviti PdP pada hari tersebut dalam memastikan proses penerapan nilai berjalan dengan lancar dan berkesan.

Melalui sesi pengajaran para GPI menggunakan teknik Pak21 sebagai kaedah dan juga amalan dalam penghayatan nilai dan pembentukan etika pelajar. Pak21 mengandungi aktiviti perbincangan,berkumpulan, soal jawab, bermain yang dapat menghasilkan nilai-nilai murni yang positif disamping merangsang kognitif pelajar dalam berfikir. Ini disokong oleh Kajian Noor Lela Ahmad (2008) yang menyatakan bahawa kaedah perbincangan dapat memupuk

nilai-nilai murni dalam diri pelajar seperti berkeyakinan, berani dalam menyatakan pendapat dan juga semangat kerjasama. Menurut Burton et al., (1991) menyatakan melalui kaedah perbincangan ia akan memberi kesan positif kepada pelajar. Manakala, McNair dan Milan (1993) dan Loeb (1988) menjelaskan penerapan nilai dapat dilakukan melalui kaedah perbincangan dalam menghasilkan nilai-nilai positif kepada pelajar.

Selain itu, penghargaan kepada pelajar sebagai bentuk penegasan yang menggalakkan pembentukan tingkah laku positif dalam menerapkan elemen nilai murni disamping meningkatkan motivasi pelajar dalam kelas. Lawler (1985) menyatakan bahawa ganjaran dalam bentuk sedar mahupun tidak seperti penghargaan atau pujian perlu diberi bagi memupuk tingkah laku yang positif.

Seterusnya, GPI juga menggunakan pendekatan galakan dan juga model melalui perwatakan dan teladan yang baik kepada pelajar dalam membentuk akhlak pelajar dan juga peranan guru sebagai moderator dan fasilitator dalam menjelaskan nilai-nilai yang terdapat sepanjang sesi PdP. Kajian Chang Lee Hoon (2006) mendapati bahawa setiap guru perlu untuk menunjukkan nilai dan perwatakan yang baik sebagai contoh kepada pelajar kerana tingkah laku guru akan menjadi perhatian dalam kalangan pelajar. Mohd Nordin, (2003) menyatakan penampilan dan perwatakan dibawa oleh guru penting dalam membentuk akhlak pelajar. Dapatan kajian Veugelers (1997) mendapati bahawa penjelasan dan penerapan nilai dari guru perlu agar pelajar lebih peka akan nilai-nilai yang perlu dihayati dan diamalkan. Secara tidak langsung, personaliti sebagai guru pendidikan islam yang unggul menjadi cabaran kepada GPI. Hasil temu bual mendapati personaliti dan contoh kepada pelajar sebagai usaha mendekatkan diri dengan pelajar disamping menerapkan nilai-nilai murni menjadi satu cabaran kepada GPI.

Dapatan temu bual juga mendapati antara cabaran lain yang dihadapi oleh GPI dalam penerapan elemen nilai murni dan etika adalah masalah kekangan masa dan ianya telah memberi kesan kepada proses penerapan nilai yang telah dirancang dalam sesi PdP. Dapatan kajian Norazlin Mohd Rusdin dan Siti Rahaimah Ali (2019) menyatakan bahawa kekangan masa menyebabkan guru tidak dapat memberi perhatian kepada pelajar yang menghadapi masalah akhlak. Kajian Norzamri dan Nurhasni (2010) menyatakan kekangan masa telah memberi kesan kepada perancangan kaedah pengajaran dan penghasilan bahan bantu mengajar (BBM) menjadikan penerapan nilai murni yang ingin diterapkan menjadi sukar. Secara tidak langsung menjadi cabaran utama kepada GPI apabila rata-rata mereka menghadapi masalah kekangan masa dalam sesi PdP.

Sementara itu, media sosial juga antara cabaran bagi GPI dalam menerapkan nilai-nilai murni bagi membentuk akhlak kerana zaman kini begitu mudah mengakses bahan-bahan yang mengandungi unsur negatif yang mampu mempengaruhi pelajar. Ini disokong oleh Siti Rashidah Abd Razak et al., (2016) dan Azhar Ahmad (2006) yang menyatakan bahawa media massa mampu mempengaruhi pembentukan akhlak pelajar.

Pendidikan Islam merupakan proses yang menerapkan nilai-nilai islam dalam bimbingan dan membentuk peribadi sebagai seorang muslim. Hasil temu bual mendapati masalah konsisten pelajar dalam mengamalkan nilai yang terdapat dalam pendidikan islam menjadi cabaran kepada GPI bagi menerapkan nilai kepada pelajar. Kajian Suppiah Nachiappan et.al., (2017) menjelaskan bahawa kegagalan dalam mengaplikasi nilai adalah disebabkan pelajar masih tidak memahami dan menguasai nilai-nilai yang disampaikan. Justeru, kefahaman berkaitan nilai-nilai Islam yang disampaikan oleh guru penting yang akan membawa kepada

amalan penghayatan nilai Islam.

Selain itu, GPI juga menghadapi cabaran dalam mendapatkan idea bagi menghasilkan BBM yang bersesuaian dengan nilai yang ingin disampaikan dalam aktiviti PdP. Norma (2004) menyatakan penggunaan BBM yang bersesuaian akan menarik minat pelajar untuk melalui proses pembelajaran yang menyeronokkan. Kajian Norzamri dan Nurhasni (2010) mendapati bahawa menghasilkan BBM menjadi permasalahan kepada guru PJK dalam pelaksanaan penerapan nilai murni disebabkan pelaksanaan BBM memerlukan masa dan idea yang kreatif bagi menghasilkannya.

Manakala kurangnya motivasi disebabkan pengetahuan dan gaya pembelajaran yang berbeza dengan rakan sekelas menyebabkan pelajar berasa malu dan *down* untuk terlibat dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini disokong oleh kenyataan Bernardo (2000) yang menjelaskan perasaan malu menjadi salah satu penghalang kepada keberkesanan pembelajar dan interaksi pelajar dalam bilik darjah. Ini merupakan cabaran yang dihadapi oleh GPI dalam memastikan semua pelajar terlibat dalam aktiviti yang dijalankan dan berpeluang memberi pandangan dan idea mereka.

Kaedah dan teknik Pak21 merupakan pendekatan yang membantu dalam menerapkan elemen nilai-nilai murni dan etika. Temu bual yang dijalankan mendapati faktor kurangnya kursus profesionalisme Pak21 memberi kesan kepada amalan pelaksanaan Pak21. Sekali gus menjadi cabaran bagi GPI dalam penerapan elemen nilai murni dan etika melalui aktiviti pembelajaran abad ke-21. Ini disokong oleh dapatan kajian berkaitan cabaran amalan pengajaran Pak21 yang dijalankan oleh Norazlin dan Siti Rahaimin (2019) mendapati kurangnya pendedahan tentang Pak21 memberi kesan kepada aktiviti PdP yang akan dilaksanakan.

Seterusnya, cabaran dari aspek kesediaan infrastruktur dan fasiliti seperti ruang kelas yang terhad dan capaian internet yang tidak stabil di sekolah telah mengganggu proses PdP dan pelaksanaan penerapan nilai yang telah dirancang. Kajian Husni et al., (2018) yang menjelaskan kemudahan infrastruktur, penyediaan BBM, sumber rujukan tambahan, penggunaan teknologi dan capaian internet merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh guru dari aspek persediaan dalam melaksanakan Pak21.

Berdasarkan temu bual juga mendapati kurangnya penguasaan teknologi dalam kalangan guru pendidikan islam merupakan cabaran dalam pelaksanaan Pak21 dan kesannya guru akan menggunakan kaedah yang sama dalam sesi PdP mereka. Sorotan kajian lepas juga menunjukkan guru pendidikan islam kurang dalam mengaplikasikan kemudahan teknologi dalam PdP dan mereka lebih memilih kaedah syarahan (Ab. Halim et al. 2012).

Secara keseluruhan, penerapan nilai penting untuk diterapkan kepada pelajar sejak mereka kecil lagi dalam membentuk sahsiah dan akhlak pelajar. GPI menggunakan beberapa kaedah dan pendekatan yang bersesuaian dengan pendidikan abad ke-21 dalam usaha menerapkan elemen nilai murni dan etika kepada pelajar. Selain itu, pendidik juga tidak lari dari masalah dan mereka juga berdepan dengan pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi dalam usaha mendidik dan membentuk generasi berwawasan dan juga bertamadun dari aspek sahsiah dan akhlak.

## KESIMPULAN

Penerokaan mendalam yang dijalankan melalui temu bual dengan peserta telah memberi gambaran akan pelaksanaan GPI dalam penerapan elemen nilai murni dan etika dalam Pak21. Dapatan kajian menjelaskan dengan terperinci akan pandangan GPI terhadap pelaksanaan penerapan nilai murni, kaedah pelaksanaan dalam PdP dan juga cabaran yang dihadapi GPI dalam penerapan nilai murni dan etika dalam Pak21.

Hasil dapatan jelas menunjukkan, kaedah pembelajaran abad ke-21 membantu GPI dalam melaksanakan penerapan elemen nilai murni dan etika melalui proses PdP. Walau bagaimanapun, untuk membentuk akhlak dan sahsiah pelajar bagi GPI bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan. Oleh itu, untuk membentuk akhlak dan membendung masalah sosial dalam kalangan pelajar pelaksanaan penerapan nilai murni sejak dibangku sekolah rendah penting bagi memupuk pemahaman dan pnhayatan nilai sejak mereka kecil agar apabila mereka menginjak usia remaja mereka dapat membezakan samaada sesuatu perkara itu baik atau buruk untuk dilakukan.

Selain itu, diharapkan juga hasil kajian ini dapat membantu para pengajar menilai dan meningkatkan tahap pelaksanaan penerapan elemen nilai murni dan etika disamping memberi input kepada masyarakat akan cabaran yang dihadapi para GPI dalam membentuk sahsiah pelajar.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Komponen asas untuk latihan guru Pendidikan Islam. *GJAT* 2(2): 53–63.
- Abd Rahim Abd Rashid. 2001. *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: Menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Al-Attas Syed Muhammad Naqib. 1980. *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Asmawati Suhid. 2005. Pemantapan komponen akhlak dalam pendidikan Islam bagi menangani era globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan* 6: 95-103.
- Azhar Ahmad. 2006. Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bernardo J. Garducci, Ph.D. 2000. *Shyness. A Bold New Approach*. Harper Perennial. USA.
- Burton, S., Johnstone, w.m. & Wilson, E.J. 1991. An experimental assessment of alternative approaches for introducing business ethics to undergraduate business students. *Journal of Business Ethics* 10(7): 507-517.
- Chang Lee Hoon. 2006. Teachers as agents of values: Malaysian perspective. *Jurnal Pendidikan* 26: 51- 60.
- Choirun Nisak Aulina. 2013. Penanaman disiplin pada anak usia dini (Planting discipline in early childhood). *Pedagogia* 2(1): 36-49.
- Husni Abdullah, Abd Razif Zaini, Khairatul Akmar Ab Latif, Hasanah Ihsan, Ku Fatahiyah Ku Azizan, & Wan Sakiah Wan Ngah. 2018. Pendidikan abad ke-21 dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah menengah di Malaysia: amalan dan cabaran. *International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC)*, hlm.1-14.

- Kasran, M. H. 2011. Nilai-nilai sejagat dalam pengisian kurikulum Bahasa Malaysia. *Prosiding Seminar Majlis Dekan-Dekan Pendidikan Ipta 2011*. Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang, Sarawak.
- Kaur, J. 2013. An Analysis of The Importance and Role of Value Based Education: The Need of Hour. *Journal of Advances and Scholarly Researches in Allied Education* 5(11): 1-6.
- Kohlberg, L. 1973. *Continuities in childhood and adult moral development revised*. In *life-span development psychology : personality and socialization*. New York : Academic Press.
- Latifah Abdul Majid, and Wan Nasyrudin Wan Abdullah, and Nurul Hidayah Ahmad Zakhi. 2012. Penerapan nilai murni dan pembentukan jati diri kanak-kanak prasekolah melalui penggunaan multimedia. *Jurnal Hadhari Specia*: 51-65.
- Lawler, E. E. 1985. Education, management style and organization effectiveness. *Personnel Psychology* 38: 1- 26.
- Loeb, S. E. 1988. Teaching students accounting ethics: Some crucial issues. *Issues in Accounting Education* 3: 216-239.
- McNair, F., & Milam, E. E. 1993. Ethics in accounting education: What is really being done. *Journal of Business Ethics* 12(10): 797-809.
- Mohamad Khairi Haji Othman, Mohd Zailani Mohd Yusoff, Alis ,Puteh Nurfasiah Roslan . 2017. Permasalahan dan cabaran guru dalam membentuk nilai pelajar di sekolah menengah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue*: 1-10.
- Mohd Khairi Othman. 2016. Pembentukan akhlak pelajar menerusi aplikasi teknik-teknik penerapan nilai dalam pengajaran. *The Online Journal Of Islamic Education* 4(1): 5-70.
- Mohd Syaubari Othman. 2019. Cabaran halangan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan islam yang menginterasikan kemahiran berfikir aras tinggi. *Jurnal Penyelidikan* 17: 150-168.
- Mohd Zailani Mohd Yusoff, Mohamad Khairi Haji Othman & Asmawati Suhid. 2018. Teknik penerapan nilai murni dalam kalangan guru sekolah rendah. *Prosiding Seminar Keangsaan Majlis Dekan Pendidikn Universiti Awam*, hlm. 35-47.
- Mohd. Anuar Mamat. 2016. Isu dan keperluan etika profesion perguruan islam (Eppi): satu kajian awal berdasarkan pandangan pakar. *Seminar Antarabangsa Pemerksaan Pendidikan Islam, (Madrasah), 20&21 Oktober (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*.
- Noor Lela Ahmad. 2008. Amalan penerapan nilai murni guru perakaunan dalam pengajaran Prinsip Perakaunan. Tesis Doktor Falsafah. Univerisiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. 2019. Amalan dan cabaran pelaksanaan abad ke-21. *Proceeding Of The International Conference On Islamic Civilization And Technology Management 23-24 November*, hlm. 87-105.
- Norazri Mohd Zaidin. 2015. Penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran ke arah pembentukan sahsiah pelajar di kolej kemahiran tinggi mara. Tesis Sarjana Pendidikan. Teknik dan Vokasional. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Norzamri Ishak & Nurhasni Mohd Noor. 2010. Pelaksanaan penerapan nilai murni dalam pengajaran dari perspektif guru-guru pjg/olahraga : satu kajian kualitatif di sekolah kebangsaan Cyberjaya. *Jurnal Universitas Paramadina* 7(2):350-370.
- Siti Rahayu Mohamad. 2017. *Melahirkan Rakyat Malaysia Dengan Penghayatan Nilai (PPPM 2013-2025)*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Rashidah Abd Razak, Haslina Hamzah & Zetty Nurzuliana Rashed. 2016. Cabaran guru pendidikan islam dalam pembentukan akhlak pelajar. *Journal of social sciences and humanities* 3(11): 100-110.

- Suppiah Nachiappan , Barathy Sinnasamy & Sandra Suffian. 2017. Masalah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah dan penyelesaian masalah melalui kaedah Hermeneutik . *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education* 7(2): 58-68.
- Tajul Ariffin Nordin & Nor'Aini Dan. 2002. *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan bersepadu*. Bangi: As-Syabab Media.
- Veugelers, W. 1997. Teaching and learning on moral dilemmas. *Pembentangan dalam perhimpunan tahunan American Educational Research Association, Chicago, IL. Mac.*
- Veugelers. 1996. Teaching values and critical thinking. *Paper presented at the annual meeting of the American Educational Research Association. New York, April.*